

DOKUMEN SEBUTHARGA

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH
HALANGAN (*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH
ROPE*), DINDING *ABSEILING/RAPPELING* DAN
OUTDOOR
DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN,
MELAKA**

TARIKH TUTUP :.....

BAHAGIAN A

SYARAT PENYERTAAN

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH
HALANGAN (*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH
ROPE*), DINDING *ABSEILING/RAPPELING* DAN OUTDOOR
DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA**

TAJUK: PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN (*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING *ABSEILING/RAPPELING* DAN OUTDOOR DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor Bumiputra yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan di atas kepala 221507/030401** dan **pendaftarannya masih berkuatkuasa**.
2. Borang-borang sebut harga boleh didapati di Bahagian Urus Setia Bekalan, Majlis Sukan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dengan menyertakan wang pos / wang kiriman pos / bank deraf berharga RM yang dibuat atas nama Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia.
3. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Ibu Pejabat Majlis Sukan Negara Malaysia, Kuala Lumpur tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 2024.
4. Lawatan tapak mengenai kerja diatas akan diadakan bertempat di Kompleks Sukan MSN Asahan pada 2024 jam 10.00 pagi. Adalah dimaklumkan bahawa taklimat akan hanya diadakan **SEKALI SAHAJA**.

BAHAGIAN A

SYARAT PENYERTAAN: PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN (OBSTACLE COURSE), AKTIVITI TALI (HIGH ROPE), DINDING ABSEILING/RAPPELING DAN OUTDOOR DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA

1. SYARAT-SYARAT KONTRAKTOR/PEMBEKAL

- 1.1 Kontraktor/pembekal hendaklah dari mereka yang telah mendaftar dengan **Kementerian Kewangan di atas kepala 221507/030401** atau berdaftar dengan Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan Aktiviti Sukan Lasak dan **pendaftarannya masih berkuatkuasa.**
- 1.2 Satu salinan setiap sijil pendaftaran hendaklah disertakan apabila mengembalikan sebutharga ini.
- 1.3 Berpengalaman luas dalam kerja-kerja selenggara peralatan sirkit merempuh halangan (obstacle course) dan aktiviti tali (high rope/abseiling/rappeling wall) dan penyenggaraan peralatan outdoor . Kontraktor/pembekal **DIWAJIBKAN** menyatakan kerja-kerja yang pernah dilaksanakan di dalam sebutharga ini.
- 1.4 Sekurang-kurangnya SEORANG kakitangan kontraktor/pembekal memegang **KAD HIJAU CIDB (green card), NIOSH, RENACO, OSH atau setaraf dengannya.**
- 1.5 Kontraktor/pembekal diwajibkan untuk menyatakan jentera/loji yang dimiliki.

BAHAGIAN B

KETERANGAN AM/SYARAT SEBUTHARGA

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN
(*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING
ABSEILING/RAPPELING DAN OUTDOOR**

DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA

Keterangan Am/Syarat Sebutharga

1. Lokasi/Penyertaan Perkhidmatan

- 1.1 Sewaan Tapak Sirkuit Merempuh Halangan (*Obstacle Course*), Aktiviti Tali (*High Rope*) Dan Dinding *Abseiling/Rappelling* dan penyenggaraan peralatan outdoor di Kompleks MSN Saujana Asahan, Melaka.

2. Peraturan AM

- 2.1 Kontraktor hendaklah menyatakan harga sebutharga untuk **36 bulan seperti di Senarai B** dalam dokumen sebutharga ini di mana harga sebutharga ini merujuk **jadual sebutharga** bagi menjalankan kerja-kerja utama dan lain-lain kerja yang berkaitan seperti di Senarai A dalam dokumen sebutharga ini.

3. Kadar Bayaran

- 3.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya taksiran dan harga yang terkandung dalam Senarai B, kadar bayaran ini dianggap mengandungi perkara-perkara yang tersebut seperti berikut :-
 - 3.1.1 Sewaan bulanan tapak sirkuit.
 - 3.1.2 Penyediaan buruh dan perkakas.
 - 3.1.3 Penyediaan alat-alatan, jentera-jentera, logi-logi, kenderaan dan sebagainya.
 - 3.1.4 Pembekalan, penerimaan dan pengembalian alat perkakas, kenderaan jentera-jentera, alat-alatan, dan sebagainya.
 - 3.1.5 Perbelanjaan penubuhan.
 - 3.1.6 Keuntungan.
 - 3.1.7 Semua jumlah yang dianggap perlu untuk memenuhi kesemua kehendak seperti di **Senarai B**.
 - 3.1.8 Kesemua kehendak yang perlu atau yang dijangka perlu samada disebutkan atau sebaliknya.

4. Bidang Kerja

- 4.1 Selenggara Peralatan Sirkuit Merempuh Halangan (*Obstacle Course*), Aktiviti Tali (*High Rope*) Dan Dinding *Abseiling/Rappeling* dan penyenggaraan peralatan outdoor di Kompleks MSN Saujana Asahan, Melaka.
- 4.2 Kerja-kkerja yang hendak dijalankan di bawah sebutarga ini adalah seperti di Senarai A yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut :-
 - 4.2.1 Merempuh Halangan (Obstacle Course)
 - 4.2.2 Aktiviti Tali (High Rope)
 - 4.2.3 Dinding Abseiling/Rappeling
 - 4.2.4 Penyenggaraan Peralatan Outdoor

5. Perubahan Spesifikasi

- 5.1 Kontraktor/pembekal adalah tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan ke atas borang atau dokumen yang disediakan. Sekiranya ada cadangan, perubahan dan lain-lain yang berkaitan dengan perkara-perkara yang terdapat dalam spesifikasi ini boleh dilakukan dengan menyediakan lampiran berasingan.

6. Kawasan Kerja

- 6.1 Kawasan kerja yang dimaksudkan ialah di kawasan persekitaran tapak sukan luar (outdoor activity) :-

KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN

Saujana Asahan, Jalan Kolam Air

77100 Asahan, MELAKA.

7. Dokumen Sebutharga

Dokumen sebutharga ini mengandungi dokumen-dokumen seperti berikut :-

- 7.1 Borang sebutharga
- 7.2 Borang jadual harga sebutharga
- 7.3 Borang perjanjian
- 7.4 Syarat-syarat am perjanjian
- 7.5 Syarat-syarat, butir-butir dan spesifikasi-spesifikasi sebutharga

8. Keperluan Kerja

- 8.1 Kontraktor hendaklah menyelenggara peralatan sukan aktiviti luar seperti merempuh halangan (*obstacle course*), aktiviti tali (*high rope*) dan dinding *abseiling/rappelling* dan penyenggaraan peralatan outdoor di Kompleks MSN Saujana Asahan Melaka dengan keperluan kerja seperti di Senarai A.

9. Buku Log/Service Report

- 9.1 Kontraktor hendaklah menyediakan dan mengisi buku log/service report setiap kali kerja-kerja selenggara siap dilaksanakan. Buku log/service report tersebut **WAJIB ditandatangani oleh kontraktor/pembekal dan perlu DISEMAK/ditandatangani oleh Juruteknik Kompleks serta DISAHKAN/ditandatangani oleh Penyelia Kompleks.**

- 9.2 Kontraktor/pembekal perlu mengesahkan setiap peralatan yang diselenggara **SELAMAT DIGUNAKAN** dan jika didapati peralatan yang diselenggara perlu diganti, pihak kontraktor/pembekal perlu mengemukakan **LAPORAN BERTULIS** kepada pihak Pegawai Penguasa MSN untuk kelulusan dengan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam sebutharga ini.
- 9.3 Kakitangan yang menjalankan kerja-kerja selenggara perlu mempunyai KAD HIJAU CIDB (*green card*), NIOSH, RENACO, OSH atau setaraf dengannya.
- 9.4 Buku log/service report ini juga perlu dilampirkan bersama invoice dan borang siap kerja semasa membuat tuntutan bayaran bulanan.

10. Insurans Dan Tanggung Rugi

- 10.1 Kontraktor/pembekal hendaklah menerima tanggungan dan hendaklah menanggung rugi MAJLIS terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan dan /atau prosiding:-
- 10.1.1 mengenai kecederaan diri atau kematian mana-mana orang dan/atau
- 10.1.2 mengenai kerosakan terhadap apa-apa harta di dalam apa bentuk sekalipun dan/atau yang dipunyai oleh sesiapaapun : jika disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan atau keingkaran sengaja oleh KONTRAKTOR/PEMBEKAL di mana kecederaan, kematian atau kerosakan disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau dalam masa sepanjang KONTRAKTOR/PEMBEKAL melaksanakan atau menjalankan perkhidmatan di bawah perjanjian ini.

11. Buruh, Peralatan Kerja Dan Logi

- 11.1 Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja, alat-alatan, mesin-mesin, dan kenderaan-kenderaan yang sesuai serta mencukupi seperti di Bahagian E dan dalam dokumen sebutharga ini bagi kerja-kerja yang akan dijalankan di bawah perjanjian ini dengan perbelanjaan sendiri.
- 11.2 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut, kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan dan kenderaan yang dimaksudkan itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan satu senarai peralatan kerja, alat-alatan, mesin-mesin dan kenderaan-kenderaan yang akan digunakan bagi menjalankan kerja-kerja tersebut di bawah dokumen sebutharga ini hendaklah disertakan.

12. Pekerja Yang Tidak Memuaskan

- 12.1 Pegawai Penguasa mempunyai budi bicaranya pada bila-bila masa meminta mana-mana pekerja kontraktor diberhentikan kerja jika Pegawai Penguasa berpendapat bahawa pekerja itu tidak sesuai bekerja dengan kontraktor dan hendaklah menggantikannya dengan pekerja lain yang difikirkan sesuai dengan secepatsegera.

13. Gangguan

- 13.1 Kontraktor hendaklah memastikan supaya tiada sebarang gangguan kepada orang awam semasa menjalankan tugasnya.

14. Pembayaran

14.1 Pembayaran kepada Majlis akan dibuat secara sebulan sekali selepas awal bulan bersama-sama pengesahan daripada Pegawai Penguasa/Penyelia Kompleks yang menyatakan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah sempurna dan Penyelia Kompleks boleh mengambil apa-apa tindakan yang dirasakan bersesuaian jika mana-mana spesifikasi tidak dipenuhi.

15. Pemecahan Kontrak

15.1 Dalam sebarang pemecahan mana-mana stipulasi yang terkandung dalam perjanjian ini yang mana diberi perhatian dan dilakukan atau gagal dijalankan oleh kontraktor mengikut kehendak Pegawai Penguasa, Pegawai Penguasa berhak melakukan kerja-kerja itu sendiri atau melantik mana-mana kontraktor yang difikirkan perlu untuk menjalankan kerja-kerja yang dimaksudkan itu dan sebarang kos tambahan daripada melaksanakan kerja-kerja ini hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan kos tambahan itu boleh dipotong oleh Pegawai Penguasa dari mana-mana jumlah bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor.

16. Sub Kontraktor

16.1 Kontraktor tidak boleh pada bila-bila masa memajukan, sub-kontrak atau melepaskan kesemua sebahagian dari perjanjian ini kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis dari Pegawai Penguasa.

17. Pembuangan Sampah/Pembersihan

17.1 Kontraktor hendaklah membuang kesemua sampah dan membersihkan peralatan setelah kerja-kerja selenggara siap dilaksanakan.

18. Bilangan Pekerja

18.1 Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan supaya bilangan pekerja yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja dibawah perjanjian ini mencukupi dan lebih bilangan pekerja TIDAK DITANGGUNG oleh pihak MAJLIS.

19. Maklumat Kerja

Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja ini boleh didapati di pejabat seperti berikut :-

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

KOMPLEKS SUKAN NEGARA

BUKIT JALIL, 57000 KUALA LUMPUR

Nota: Sebarang pertanyaan hendaklah dimajukan terus kepada:-

i) ***Penyelia Kompleks MSN Saujana Asahan***

Tel: 06-5235849/5048

No.Faks: 06-5235086

ii) ***Bahagian Fasiliti Sukan***

Majlis Sukan Negara Malaysia

Tel 03-89929771

20. Tempoh Kontrak

20.1 Tempoh kontrak adalah selama **3 TAHUN** mulai tarikh tawaran disetuju terima.

21. Penamatan Kontrak

- 21.1 Represtasi dan waranti yang diberikan oleh kontraktor dalam perjanjian ini didapati tidak benar.
- 21.2 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini atau ;
- 21.3 Majlis boleh menamatkan kontrak di bawah fasal ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada yang tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

22. Cara-Cara Penamatan Perjanjian

- 22.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara notis bertulis tidak kurang daripada 3 bulan dari tarikh perjanjian ini hendak ditamatkan.
- 22.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, Majlis adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat Majlis Perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberikan tidak kurang dari dua puluh empat (24) jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

BAHAGIAN C

BORANG SEBUTHARGA

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN
(*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING
ABSEILING/RAPPELING DAN OUTDOOR
DIKOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA**

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

BORANG SEBUTHARGA

TAJUK : PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN (*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING *ABSEILING/RAPPELING* DAN OUTDOOR DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA

Ketua Pengarah

Majlis Sukan Negara Malaysia

Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil

57000 Kuala Lumpur

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada syarat-syarat membuat sebutharga yang membuat bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat sebutharga dan menawar untuk melaksanakan dan menjalankan kerja-kerja dan peruntukkan-peruntukkan dan membekalkan semua buruh, bahan logi dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjukkan, diperiksa dan yang hendaklah dilaksanakan dan dibekalkan oleh pihak kontraktor bagi kerja-kerja yang disebut di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah bersetuju terikat oleh dan tunduk kepada spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika sebutharga ini disetujui terima harga dan kadar dalam Ringkasan sebutharga kemunasabahannya tetapi jumlah wang pukal yang disebut di bawah ini hendaklah tetap tak berubah. Jika butiran kerja yang terhadapnya harga ada diberikan dalam Ringkasan Sebutharga, Maka harga dalam Ringkasan Sebutharga itu hendaklah menjadi asas bagi menilaikan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari semasa ke semasa. Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju bahawa Ringkasan Sebutharga itu hendaklah juga menjadi asas bagi menilaikan Perakuan Bayaran Sementara.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan dibawah ini bersetuju menyiapkan kerja-kerja itu dalam masa minggu/bulan dari tarikh pemilikan tapak/bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan dalam syarat-syarat membuat sebutharga.

4. Jumlah amaun sebutharga ini jumlah wang pukal sebanyak RM tiga tahun (dalam Ringgit Malaysia)

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis Sukan Negara Malaysia sentiasa berhak menyetujui terima atau menolak sebutharga ini sama ada ianya lebih rendah atau sama amuannya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sebutharga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa hal, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini juga bersetuju bahawa borang sebutharga ini beserta surat setujuterima sebut harga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita walaupun perjanjian kontrak yang formal belum atau tidak dilaksanakan.

7. Yang bertandatangan dibawah ini bersetuju bahawa:-

7.1 Jika sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya tempoh sah sehingga atau apa-apa tempoh lanjutan ; atau

7.2. Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau perjanjian tambahan kepada sebut harga ini selepas tarikh akhir yaang ditetapkan bagi penyerahaan tender atau ;

7.3. Jika sekiranya sebut harga telah disetujui terima, yang bertandatangan di bawah ini enggan atau tidak meneruskan kerja-kerja, maka dalam mana-mana hal itu tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis Sukan Negara Malaysia sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang

bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah sebagai kontrak Majlis Sukan Negara Malaysia sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis Sukan Negara Malaysia.

Bertarikh:.....hari bulan.....20.....

Tandatangan Pengurus

Nama Penuh :.....

Atas Sifat :.....

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Sebutharga ini untuk dan bagi pihak :

.....

.....

Alamat Petender serta cop syarikat

Saksi.....

Nama Penuh.....

Pekerjaan.....

Alamat.....

.....

.....

BAHAGIAN D

JADUAL KADAR HARGA

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN
(*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING
ABSEILING/RAPPELING DAN OUTDOOR
DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA**

SENARAI 'A'

**SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN (*OBSTACLE COURSE*),
AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*) DAN DINDING *ABSEILING/RAPPELING* DAN
SELENGGARA PERALATAN OUTDOOR DI KOMPLEKS MSN SAUJANA
ASAHAN, MELAKA**

BIDANG KERJA

SELENGGARA AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*)

KERJA-KERJA UTAMA

KEKERAPAN KERJA DALAM SEBULAN

1. MENARA UTAMA

1.1	Bumbung	Satu (1) kali
1.2	Platform	Dua (2) kali
1.3	Struktur Menara	Dua (2) kali
1.4	Tangga Utama	Dua (2) kali

2. KABEL

2.1	<i>Support Anchorage Cables</i>	Dua (2) kali
2.2	<i>Activity Cables</i>	Dua (2) kali
2.3	<i>Safety Cables</i>	Dua (2) kali
2.4	<i>Activity Ropes</i>	Dua (2) kali
2.5	<i>Ladder</i>	Dua (2) kali

SELENGGARA AKTIVITI (*ABSEILING/RAPPELING WALL*)

KERJA-KERJA UTAMA

KEKERAPAN KERJA DALAM SEBULAN

1.	Dinding Abseiling/Rappeling	Dua(2) kali
2.	Stopper Station	Dua(2) kali
3.	Fizikal Kabel	Dua(2) kali
4.	Support Anchorage Cables	Dua(2) kali

SELENGGARA AKTIVITI MEREMPUH HALANGAN

(OBSTACLE COURSE)

KERJA-KERJA UTAMA	KEKERAPAN KERJA DALAM SEBULAN
1. <i>Vault</i>	Dua (2) kali
2. <i>Graduated Balance Walk</i>	Dua (2) kali
3. <i>Swinging Board</i>	Dua (2) kali
4. <i>Tarzan Swing</i>	Dua (2) kali
5. <i>Net Crawl</i>	Dua (2) kali
6. <i>Monkey Rack</i>	Dua (2) kali
7. <i>The Ladder</i>	Dua (2) kali
8. <i>Tripple Wall</i>	Dua (2) kali
9. <i>Rope Bar Climb</i>	Dua (2) kali
10. <i>Cat Walk/Climb & Slide</i>	Dua (2) kali
11. <i>Swing Tyre</i>	Dua (2) kali
12. <i>3.0 Meter Wall</i>	Dua (2) kali

SELENGGARA PERALATAN OUTDOOR

KERJA-KERJA UTAMA	KEKERAPAN KERJA DALAM SEBULAN
1. Peralatan Tali	Dua (2) kali
2. Peralatan Out door	Dua (2) kali
3. Peralatan Keselamatan	Dua (2) kali

SENARAI 'B'

JADUAL1–Spesifikasi Kerja-Kerja Selenggara

BIL	SPESIFIKASI KERJA	KEKERAPAN
SELENGGARA AKTIVITI TALI (<i>HIGH ROPE</i>)		
1.	MENARA UTAMA	
	<p>1.1 <u>Bumbung</u> Memeriksa dan membersihkan keadaan bumbung dari segala bentuk kotoran/sampah, menggantikan semua kepingan bumbung rosak dengan kepingan bumbung baru dari jenis yang sama termasuk kerja-kerja kimpalan jika perlu.</p>	Satu(1)kali sebulan
	<p>1.2 <u>Platform</u> Memeriksa, membaiki, menggantikan kepingan panel yang rosak dengan kepingan panel baru dari jenis yang sama termasuk kerja- kerja kimpalan jika perlu. Periksa dan baiki laluan air keluar (water outlet) daripada segala kotoran dan bersihkan keseluruhan platform selepas kerja-kerja selenggara siap dilaksanakan.</p>	Dua(2)kali sebulan
	<p>1.3 <u>Struktur Menara</u></p> <p>1.3.1 Memeriksa keseluruhan struktur menara, tiang, stanchions, rasuk, tupang, bracings, bolt dan nat dan menjalankan kerja-kerja pemulihan termasuk membuka dan memasang semula, membuang bahagian-bahagian / komponen yang rosak dan menggantikan dengan penggantian / bahagian baru/komponen.</p>	Dua(2)kali sebulan
	<p>1.3.2 Memeriksa semua kerja-kerja kimpalan yang sedia ada, menghapuskan karat dan kotoran dan kimpal semula.</p>	Dua(2)kali sebulan
	<p>1.4 <u>Tangga Utama</u> Memeriksa semua tangga keluli sedia ada untuk mencapai kecerunan yang lebih rendah lengkap dengan rasuk, 'step', pagar, ketatkan skru serta sapu 'greasing' dan lain-lain berkaitan agar selamat digunakan.</p>	Dua(2)kali sebulan

BIL	SPESIFIKASI KERJA	KEKERAPAN
2.	<p>KABEL/TALI</p> <p>2.1 Memeriksa keseluruhan kabel-kabel/tali dan membersihkan daripada segala kotoran termasuk memeriksa sistem ikatan pada setiap kabel, ketatkan semula ikatan kabel/tali, membaiki segala kecacatan termasuk menggantikan alat-alat komponen, 'greasing'dan lain-lain kerja berkaitan pada kabel/tali seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> 2.1.1 Support Anchorage Cables 2.1.2 Activity Cables 2.1.3 Safety Cables 2.1.4 Activity Ropes 2.1.5 Ladder Cables 2.1.6 Stopper Station 	<p>Satu(1)kali sebulan</p> <p>Dua (2) kali sebulan</p>
SELENGGARA AKTIVITI (ABSEILING/RAPPELING WALL)		
3.	<p>ABSEILING/RAPPELING WALL</p> <p>3.1Memeriksa, membaiki, menggantikan kepingan kayu/papan yang rosak dengan kepingan baru dari jenis yang sama termasuk kerja-kerja cat . Memeriksa semua tiang, struktur dan periksa 'Stopper Station' sedia ada untuk mencapai kecerunan yang selamat lengkap dengan rasuk, 'step', pagar, ketatkan skru serta sapu 'greasing' dan periksa 'cable rubber buffer' serta kerja-kerja berkaitan.</p>	<p>Dua (2) kali sebulan</p>

SELENGGARA AKTIVITI MEREMPUH HALANGAN(OBSTACLE COURSE)

4.	<p>Memeriksa, membaiki, menggantikan kepingan kayu/papan dan permukaan dari jenis lain yang rosak dengan kepingan baru dari jenis yang sama termasuk kerja-kerja cat. Memeriksa semua tiang, struktur dan periksa 'Stopper Station' sedia ada untuk mencapai kecerunan yang selamat lengkap dengan rasuk, 'step', pagar, ketatkan skru serta sapu 'greasing' dan periksa 'cable rubber buffer' serta kerja-kerja berkaitan.</p> <p>4.1 Vault 4.2 Graduated Balance Walk 4.3 Swinging Board 4.4 Tarzan Swing 4.5 Net Crawl 4.6 Monkey Rack 4.7 The Ladder 4.8 Tripple Wall 4.9 Rope Bar Climb 4.10 Cat Walk/Climb & Slide 4.11 Swing Tyre 4.12 3.0 Meter Wall</p>	Dua(2)kali sebulan
SELENGGARA PERALATAN OUTDOOR		
5.	<p>Memeriksa, servis dan pastikan setiap peralatan 'outdoor' selamat digunakan termasuk melaporkan setiap peralatan yang rosak dan tamat tempoh.</p> <p>5.1 Peralatan Tali 5.2 Peralatan Outdoor 5.3 Peralatan Keselamatan</p>	Dua(2)kali sebulan

JADUAL SEBUTHARGA

1. Sebutharga kami bagi sewaan selama **TIGA TAHUN** berjumlah RM..... Pecahan Sebutharga adalah seperti jadual-jadual berikut :-

JADUAL 2 – Harga sewaan bagi tempoh **TIGA TAHUN**

BIL	TAJUK KERJA	HARGA KESELURUHAN
1.1	Perkhidmatan ini adalah melibatkan sewaan bulanan tapak sirkit merempuh halangan (obstacle course), aktiviti tali (high rope), dinding abseiling/rappelling dan outdoor selama 36 bulan. Nota : Pihak kontraktor boleh mengemukakan kertas kerja cadangan kadar harga sewaan yang bersesuaian mengikut kadar harga pasaran.	

Tandatangan Kontraktor :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan Dalam Syarikat:

Alamat Syarikat :

No. Tel :

Cop Syarikat :

Tarikh:

SAKSI

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

Tarikh :

BAHAGIAN E

**MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG KONTRAKTOR DAN
PENGALAMAN KERJA KONTRAKTOR**

**PERKHIDMATAN SEWAAN TAPAK SIRKIT MEREMPUH HALANGAN
(*OBSTACLE COURSE*), AKTIVITI TALI (*HIGH ROPE*), DINDING
ABSEILING/RAPPELING DAN OUTDOOR
DI KOMPLEKS MSN SAUJANA ASAHAN, MELAKA**

BORANG MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER

1. Nama :.....
2. Alamat :.....
.....
.....
3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:
 - (i) No. Pendaftaran :
 - (ii) Tarikh Daftar :
 - (iii) Kertas dan Tajuk/Tajuk Kecil:.....
.....
 - (iv) Taraf (Bumiputra/BukanBumiputra):.....
 - (v) Jika Bumiputra, tempoh sah tariff :Dari.....
hingga.....
4. Bagi Syarikat Sdn.Bhd. nyatakan:
 - (i) Modal Dibenarkan : RM.....
 - (ii) Modal Dibayar : RM.....
5. Perniagaan Utama, jika ada:
 - (i)sejak.....
 - (ii)sejak.....
6. Ahli-ahli Syarikat
 - (i) Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

NAMA	JAWATAN	PEGANGAN SAHAM

ii) Kakitangan

NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK/IKHTISAS

7. Borang Data-Data Kewangan & Punca kemudahan kredit

7.1 Nama dan Alamat Bank/Institusi Kewangan yang memberikan Kemudahan Kredit :.....
.....

7.2 Amaun kemudahan kredit

7.2.1. Overdraif bercagar bagi kegunaan projek :RM.....

** 7.2.2 Surat Jaminan Yang Boleh Diterima; RM.....

JUMLAH

RM

* Sila sertakan salinan-salinan penyata kewangan yang diambil bagi tiga tahun kewangan yang lepas.

** Sila sertakan surat jaminan daripada pembekal yang sedia untuk memberi kemudahan kredit.

BAHAGIAN F

MAKLUMAT TAMBAHAN PENENDER

Semua kontraktor/penender **DIWAJIBKAN** mengisi segala maklumat dalam borang ini. Kegagalan membuat demikian boleh mengakibatkan permohonan tawaran ditolak.

1. **KENDERAAN**

No.Pendaftaran	Jenis	Muatan	Kepunyaan sendiri/sewa

SALINAN KAD PENDAFTARAN KENDERAAN DI ATAS HENDAKLAH DILAMPIRKAN